



BUMI




Indahnya Bumi ini.
Apakah yang dapat kamu perhatikan dalam gambar di atas?



Bentuk Muka Bumi

Apakah bentuk muka bumi yang dapat kamu lihat dalam gambar ini?



laut

pantai

kolam

9.1.1




Info Guru

- Lembah ialah tanah rendah di kiri kanan sungai, kaki gunung atau kaki bukit.

Buku Aktiviti
Halaman:

57-58



Bentuk muka bumi terdiri daripada gunung, pantai, bukit, lembah, sungai, kolam, tasik dan laut.

**ALAT DAN BAHAN**

pensel

klip
kertaspinggan
kertastanah liat (warna
biru, hijau, kuning
dan coklat)kertas
putihpen
penanda**AKTIVITI KUMPULAN****Langkah-langkah**

- 1** Lakarkan kedudukan bentuk muka bumi di atas pinggan kertas.



- 2** Bina bentuk muka bumi dengan menggunakan tanah liat.



- 3** Corakkan bentuk muka bumi dengan menggunakan klip kertas.



- 4** Labelkan setiap bentuk muka bumi.

- 5** Jelaskan tentang model bentuk muka bumi kamu di hadapan kelas.

**SOALAN**

Jelaskan tentang bentuk muka bumi yang ada dalam model kamu?

9.1.1
9.2.3

Info Guru

- Murid boleh menggunakan bahan yang lain seperti cat air, batu, pasir dan pokok kecil untuk menghias model bentuk muka bumi.



Tanah

Di permukaan Bumi, terdapat beberapa jenis tanah yang penting untuk kehidupan. Nyatakan jenis-jenis tanah itu.



tanah kebun



tanah liat



pasir



KBAT

Di manakah jenis-jenis tanah ini biasanya dijumpai?

9.2.1



Info Guru

- Sampel tanah yang digunakan boleh didapati dari kawasan kebun sayur, sawah padi dan tepi pantai.

Buku Aktiviti
Halaman:
59-62



Kandungan Tanah

Linda dan Hafiz sedang menyiasat kandungan tiga jenis tanah.



Halusnya tanah liat ini.

Tanah liat ini mengandungi butir-butir tanah yang sangat halus.

Apakah kandungan yang terdapat dalam tanah kebun dan pasir?

Mari kita siasat kandungan tanah kebun dan pasir.



Mari Uji

Kandungan Tanah Kebun dan Pasir

ALAT DAN BAHAN



tanah kebun



pasir



kertas putih



sudu



kanta pembesar



forsep



AKTIVITI KUMPULAN

Langkah-langkah



- 1 Alaskan meja dengan kertas.



- 2 Letakkan dua sudu tanah kebun di atas kertas.



- 3 Perhatikan tanah kebun menggunakan kanta pembesar.



- 4 Asingkan tanah kebun mengikut kandungannya menggunakan forsep.

- 5 Ulangi langkah 1 hingga 4 untuk pasir.

- 6 Catat pemerhatian kamu dalam jadual seperti di bawah.

Jenis tanah	Kandungan tanah (✓)				
	Ranting kayu	Daun kering	Batu	Butir pasir	Haiwan kecil
Tanah kebun					
Pasir					

? SOALAN

Apakah perbezaan kandungan tanah antara tanah kebun dengan pasir?

Tanah kebun mengandungi butir-butir pasir, batu-batu kecil, tumbuhan dan haiwan yang reput.
Pasir mengandungi butir pasir dan batu-batu kecil.

Info Guru



- Galakkan murid memakai sarung tangan semasa melakukan aktiviti ini.
- Bersihkan tangan selepas menjalankan aktiviti ini.



Mari Ulang Kaji

1. Apakah bentuk muka bumi yang ditunjukkan dalam gambar yang berikut?



2. Nyatakan tiga jenis tanah yang terdapat di permukaan Bumi.
3. Tanah ini mengandungi butiran tanah yang sangat halus sahaja. Apakah jenis tanah ini?



Ingat Semula

- Ada lapan bentuk muka bumi:
 - gunung - pantai - bukit - lembah
 - sungai - kolam - tasik - laut
- Ada tiga jenis tanah:
 - tanah kebun - tanah liat - pasir
- Tanah kebun mengandungi ranting kayu, daun kering, batu, butir pasir dan haiwan kecil.
- Tanah liat mengandungi butiran-butiran tanah yang sangat halus.
- Pasir mengandungi batu dan butir pasir.



Rekreasi Sains

Penapis Air Ringkas

- Hasilkan penapis air ringkas menggunakan batu-batu kecil dan pasir seperti gambar di sebelah.
- Uji penapis air menggunakan air yang keruh.

